



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PERASMIAN PENUTUP PERSIDANGAN MELESTARI KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK (K2), ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN WARGA EMAS (WE) OLEH DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DATO' DR. WAN ISMAIL SEMPENA HARI KANAK-KANAK, HARI ORANG KURANG UPAYA DAN HARI WARGA EMAS 2018

PUTRAJAYA, 5 November - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyempurnakan Majlis Penutup Persidangan Melestari Kesejahteraan Kanak-Kanak (K2), Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas (WE) sempena Hari Kanak-Kanak, Hari Orang Kurang Upaya Dan Hari Warga Emas 2018 pada 5 November 2018 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Pendekatan pada tahun ini lebih berbentuk ilmiah dan sedikit berbeza berbanding dengan penganjuran pada tahun-tahun sebelumnya; iaitu melalui pendekatan persidangan yang melibatkan penyertaan kumpulan sasar kementerian yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang seperti kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas, Pertubuhan Sukarela Kebajikan, ahli akademik, wakil keluarga dan orang perseorangan.

Antara objektif penganjuran persidangan Melestari Kesejahteraan Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas tersebut adalah memberi pendedahan dan pengetahuan yang lengkap tentang dasar dan program pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada Kumpulan Sasar; serta meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkaitan kepentingan pelaksanaan program yang selari dengan dasar dan pelan tindakan agar pencapaian sasaran yang ditetapkan dapat dilaporkan di peringkat nasional dan antarabangsa secara lebih tepat.

Selain itu, hubungan di antara NGO dan Kumpulan Sasar dapat ditingkatkan serta mewujudkan jaringan antara agensi dan NGO yang berkaitan bagi menjalin kerjasama strategik dalam memperkasa Kumpulan Sasar; serta mendapatkan input, maklum balas dan cadangan dalam menyediakan resolusi ke arah pembangunan kelestarian dan kesejahteraan kanak-kanak, OKU dan warga emas.

Tema Hari Kanak-Kanak pada tahun ini ialah “**Harapan Anak Malaysia : Melakar Aspirasi, Mendepani Realiti**”. Hari Orang Kurang Upaya pula mengangkat harapan untuk “**Memperkasakan Orang Kurang Upaya dan Memastikan Inklusiviti dan Kesaksamaan**” manakala Hari Warga Emas meletakkan harapan pada tema “**Sejahtera Warga Emasku**”.

Persidangan Melestari Kesejahteraan Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas dimulakan dengan *Keynote address* oleh Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, seterusnya disusuli dengan Concurrent Session (Forum).

Majlis Penutup oleh YAB Timbalan Perdana Menteri diadakan pada sebelah petang; bermula dengan Ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri, Penyerahan Resolusi (Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas) kepada YAB Timbalan Perdana Menteri, diikuti dengan Penyampaian Anugerah (Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas) serta Penyampaian Sumbangan CSR daripada KFC.

Turut serta dalam Majlis Penutup Persidangan Melestari Kesejahteraan Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas ini adalah Yang Berbahagia Datuk Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd. Fazari bin Mohd. Salleh, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat; pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan Masyarakat; serta rakan-rakan media.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
5 November 2018